

# Pendidikan perbankan Islam perlu dipertingkatkan

KUALA LUMPUR 17 Sept. — Proses mendidik tentang perbankan Islam perlu dipertingkatkan dalam usaha memperluaskan penggunaannya di kalangan masyarakat negara ini.

Presiden Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman berkata, sistem perbankan yang diperkenalkan pada tahun 1970-an masih lagi baru walaupun asas muamalat telah dipraktikkan sekitar tahun 1400.

“Kini, sistem perbankan Islam berada peringkat ia

digunakan,” kata beliau yang juga Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Bhd. pada majlis pra-pelancaran kolokium ‘Memahami Perbankan Islam’ di sini, hari ini.


Kolokium itu dianjurkan oleh Kumpulan Utusan dan AIBIM, akan diadakan di Hotel Legend, di sini pada 30 dan 31 Oktober depan.

Ahmad Tajudin berkata, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai hala tuju yang jelas dalam membangunkan sistem perbankan Islam me-

nerusi sebuah pelan komprehensif.

Katanya, pelan itu memungkinkan sistem perbankan Islam menguasai 20 peratus pasaran pada tahun 2010 seperti yang dijangka oleh Pelan Induk Sektor Kewangan sebelum ini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Mohd. Nasir Ali berkata, bagi mengembangkan pembangunan sistem perbankan Islam, masyarakat perlu didedahkan dengan pengetahuan dan maklumat tentang kepentingannya sebagai satu sistem



**AHMAD TAJUDIN** menurunkan tandatangan sebagai tanda merasmikan pra-pelancaran Kolokium Memahami Perbankan Islam 2002 sambil diperhatikan oleh **Mohd. Nasir** di Kuala Lumpur semalam.

kewangan yang boleh bersaing dengan sistem konvensional.

“Masyarakat umum per-

lu memahami dan mendalami sepenuhnya tentang manfaat dan bagaimana sistem ini beroperasi kera-

na sistem kewangan berasaskan Islam bukan hanya untuk umat Islam tetapi juga untuk bukan Islam,” kata beliau